



KENYATAAN MEDIA MENTERI KANAN PERTAHANAN

29 JUN 2021

MENGENAI PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) & PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)

Pemantauan dan Penguatkuasaan SOP COVID-19 di Sektor Perkilangan dan Premis Perniagaan

Seperti yang diumumkan sebelum ini, Kerajaan akan mempertingkatkan penguatkuasaan secara menyeluruh dari segi pemeriksaan ke atas kilang-kilang dan premis-premis perniagaan kerana terlalu banyak pelanggaran arahan kerajaan dan SOP yang telah diwartakan.

Secara kumulatifnya, pasukan Task Force Operasi Pematuhan telah melaksanakan 93,459 pemeriksaan dan snap check COVID-19 di seluruh negara dengan jumlah kekuatan anggota sebanyak 20,717.

Semalam, pasukan Task Force Operasi Pematuhan telah melakukan 1,902 pemeriksaan ke atas kilang dan 11,478 premis perniagaan.

Daripada jumlah itu, sebanyak tiga (3) kilang dan sembilan (9) premis telah diarahkan tutup kerana didapati melanggar arahan kerajaan dan SOP.

Kemasukan Pengembara ke WP Labuan

Mengambil kira situasi semasa COVID-19 ketika ini, Kerajaan turut bersetuju untuk mengenakan beberapa sekatan tambahan bagi kemasukkan pengembara ke Wilayah Persekutuan (WP) Labuan iaitu:

- **WAJIB** menjalani ujian RT-PCR COVID-19 tiga (3) hari sebelum kemasukan;
- Kuarantin **WAJIB** Pengembara:
 - Kuarantin 10 hari di rumah bagi penduduk asal Labuan
 - Kuarantin 10 hari di rumah/hotel bagi penjawat awam
 - Kuarantin 14 hari di hotel bagi pelawat asing dari luar negara
- Pengguna Kad Harian Transporter **DIWAJIBKAN** mengambil PCR setiap dua (2) minggu dan **WAJIB** menjalani ujian RTK antigen setiap minggu;
- *Sign on* **DIBENARKAN** untuk warga negara sahaja dan wajib menjalani kuarantin 14 hari dengan (1) ujian RT PCR pada hari ke 10. Prosedur kemasukkan ke Labuan adalah terpakai sepenuhnya. Keutamaan diberikan kepada individu yang telah mengambil vaksin covid19.
- *Sign off* **DIBENARKAN** dengan 14 hari kuarantin dan wajib menjalani satu (1) ujian RT PCR.
- Kapal Kumpit **DITANGGUHKAN** buat sementara waktu.

Pelaksanaan sekatan tambahan ini akan berkuatkuasa bermula 1 Julai 2021 sehingga diberitahu kelak.

PKPD 3 lokaliti di daerah Petaling, Selangor

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di tiga (3) lokaliti dalam daerah Petaling, Selangor yang melibatkan:

- Mentari Court, PJS 8
- Taman Perumahan SS 91A, Sungai Way
- Pangsapuri Westlite – PKNS

Sehingga kini, KKM telah merekodkan 137 kes Mentari Court, PJS 8, Taman Perumahan SS 9A, Sungai Way (64 kes) dan Pangsapuri Westlite – PKNS (215 kes) dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di ketiga-tiga lokaliti tersebut.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di tiga (3) lokaliti dalam daerah Petaling, Selangor berkuat kuasa 1 Julai sehingga 14 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk memastikan penduduk berisiko dijangkiti COVID-19 kekal berada dalam kawasan.

PKPD Kampung Kubang Jela, Mukim Manir, Kuala Terengganu, Terengganu

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Kubang Jela, Mukim Manir, Kuala Terengganu, Terengganu.

Sehingga kini, KKM telah melakukan 111 ujian saringan dan 18 orang penduduk di lokaliti tersebut disahkan positif COVID-19 dengan kadar positifiti 54.3%.

Pada masa sama, KKM mendapati kes telah meningkat dalam tempoh singkat dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti itu.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Kubang Jela, Mukim Manir, Kuala Terengganu, Terengganu, berkuat kuasa 1 Julai sehingga 14 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini memudahkan KKM melakukan saringan, menyekat pergerakan dan penularan jangkitan dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

PKPD Kampung Balung Cocos, Tawau, Sabah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Balung Cocos, Tawau, Sabah.

Sehingga kini, KKM telah merekodkan sembilan (9) kes setelah 27 orang penduduk menjalani ujian saringan dengan kadar positifiti 33.33%.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Balung Cocos, Tawau, Sabah berkuat kuasa 1 Julai sehingga 14 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

PKPD 2 lokaliti di WP Kuala Lumpur

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di dua (2) lokaliti di Wilayah Persekutuan (WP) Kuala Lumpur iaitu:

- Projek Perumahan Rakyat (PPR) Pantai Ria
- Taman Bukit Angkasa

Sehingga kini, KKM telah melakukan 861 ujian saringan di PPR Pantai Ria dan 171 daripadanya disahkan positif COVID-19 manakala di Taman Bukit Angkasa, sebanyak 153 kes direkodkan selepas 697 orang penduduk menjalani ujian saringan.

KKM juga mendapati kes telah meningkat dalam tempoh singkat dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di kedua-dua lokaliti itu.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua (2) lokaliti di WP Kuala Lumpur berkuat kuasa 1 Julai sehingga 14 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini memudahkan KKM melakukan saringan, menyekat pergerakan dan penularan jangkitan dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

SOP bagi kesemua PKPD adalah sama seperti yang diumumkan sebelum ini. Maklumat lanjut boleh diakses di laman sesawang MKN di www.mkn.gov.my

Penamatan PKPD 2 lokaliti di Penampang, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua (2) lokaliti di Penampang, Sabah yang dijadualkan tamat pada 29 Jun 2021.

Kedua-dua lokaliti itu ialah:

- Country Heights Apartment
- Vista Minintod Apartment

Sehingga kini, KKM telah melakukan 274 ujian saringan dan tujuh (7) daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di dua (2) lokaliti di Penampang, Sabah pada 29 Jun (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD PPR Taman Ehsan, Kudat, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Taman Ehsan, Kudat, Sabah yang dijadualkan tamat pada 30 Jun 2021.

Sepanjang pelaksanaan PKPD di lokaliti itu, KKM telah melakukan 311 ujian saringan dan 17 daripadanya disahkan positif COVID-19.

Pada masa sama, KKM mendapati terdapat trend penurunan kes dan tiada lagi sampel ujian menunggu keputusan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di PPR Taman Ehsan, Kudat, Sabah pada 30 Jun 2021 (11.59 malam) seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD 2 perkampungan di Kuching, Sarawak

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua (2) perkampungan di Kuching, Sarawak yang dijadualkan tamat pada 30 Jun 2021.

Dua perkampungan terbabit ialah:

- Kampung Goebilt
- Kampung Muara Tebas

Dalam tempoh itu, KKM telah melakukan 3,411 ujian saringan dan 70 daripadanya disahkan positif COVID-19 di kedua-dua lokaliti tersebut. KKM juga mendapati terdapat trend penurunan kes, kluster terkawal dan tiada lagi sampel ujian menunggu keputusan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di dua (2) perkampungan di Kuching, Sarawak pada 30 Jun 2021 (11.59 malam) seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD 2 lokaliti di Kalabakan, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua (2) lokaliti di Kalabakan, Sabah yang dijadualkan tamat pada 30 Jun 2021.

Lokaliti tersebut ialah:

- Kampung Rancangan
- Kampung Kijang Merotai

Sehingga kini, KKM telah melakukan 161 ujian saringan dan 25 daripadanya disahkan positif COVID-19 di kedua-dua lokaliti tersebut. KKM juga mendapati terdapat trend penurunan kes, kluster terkawal dan tiada lagi sampel ujian menunggu keputusan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di dua (2) lokaliti di Kalabakan, Sabah pada 30 Jun 2021 (11.59 malam) seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD 2 lokaliti di Tawau, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua (2) lokaliti di Tawau, Sabah yang dijadualkan tamat pada 30 Jun 2021.

Kedua-dua lokaliti itu ialah:

- Kampung Tanjung Batu Tengah
- Taman Semarak Megah

KKM telah melakukan 212 ujian saringan dan 38 daripadanya disahkan positif COVID-19 di kedua-dua lokaliti tersebut. KKM juga mendapati terdapat trend penurunan kes, kluster terkawal dan tiada lagi sampel ujian menunggu keputusan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di dua (2) lokaliti di Tawau, Sabah pada 30 Jun 2021 (11.59 malam) seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD 2 lokaliti di Kota Kinabalu, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua (2) lokaliti di Kota Kinabalu, Sabah yang dijadualkan tamat pada 30 Jun 2021.

Kedua-dua lokaliti itu ialah:

- Kampung Rampayan
- Kampung Kionsom Kecil

Sepanjang tempoh itu, KKM telah melakukan 541 ujian saringan dan 68 daripadanya disahkan positif COVID-19 di kedua-dua lokaliti tersebut. KKM juga mendapati terdapat trend penurunan kes, kluster terkawal dan tiada lagi sampel ujian menunggu keputusan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di dua (2) lokaliti di Kota Kinabalu, Sabah pada 30 Jun 2021 (11.59 malam) seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD Kampung Taun Gusi Peninting, Kota Belud, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Taun Gusi Peninting, Kota Belud, Sabah yang dijadualkan tamat pada 30 Jun 2021.

Sepanjang pelaksanaan PKPD di lokaliti itu, KKM telah melakukan 107 ujian saringan dan lapan (8) daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM mendapati terdapat trend penurunan kes dan tiada lagi sampel ujian menunggu keputusan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Taun Gusi Peninting, Kota Belud, Sabah pada 30 Jun 2021 (11.59 malam) seperti yang dijadualkan.

Task Force Operasi Pematuhan

Task Force Operasi Pematuhan yang diketuai Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melakukan 93,459 pemeriksaan semalam.

Ia melibatkan 4,737 Pasukan Pematuhan yang terdiri daripada 20,717 anggota bagi memantau dan menguatkuasakan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Semalam, 680 individu ditahan atas kesalahan ingkar SOP. Daripada jumlah itu, seramai 659 individu dikompaun, 20 direman manakala seorang lagi dijamin.

Antara kesalahan direkodkan ialah:

- Tiada penjarakan fizikal (184)
- Rentas negeri/daerah tanpa kebenaran/makan/minum di premis (129)
- Individu gagal merekod butiran diri/daftar masuk premis (117)
- Tidak memakai pelitup muka (96)
- Tidak patuh arahan kawalan pergerakan (57)
- Membawa penumpang berlebihan (47)
- Premis gagal patuhi arahan (8)
- Lain-lain (42)

Kawalan Sempadan Negara

Operasi BENTENG (Op BENTENG) semalam telah menangkap 14 Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan merampas enam (6) buah kenderaan darat.

Dalam operasi itu, sebanyak 169 buah bot/kapal turut dikesan di perairan negara melalui sembilan (9) aktiviti penglihatan.

Op BENTENG melibatkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Agensi Keselamatan Sempadan Malaysia (AKSEM) serta agensi-agensi keselamatan lain turut menjalankan 994 Sekatan Jalan Raya (SJR) semalam iaitu:

Op PENAWAR (ATM, PDRM dan RELA)	- 940 SJR
Op BENTENG PDRM	- 45 SJR
Op BENTENG AKSEM	- 9 SJR

Operasi Disinfeksi COVID-19

Semalam, sebanyak 101 operasi disinfeksi telah dilaksanakan di seluruh negara yang merangkumi 42 zon merah, zon jingga (7) dan zon kuning (1).

Operasi disinfeksi ini melibatkan 582 anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan 236 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta 123 buah jentera JBPM.

Secara kumulatifnya, sebanyak 29,617 operasi disinfeksi merangkumi 157 zon dilakukan sejak 30 Mac 2020. Operasi sanitasi melibatkan pusat perniagaan, kawasan perumahan termasuk Projek Perumahan Rakyat (PPR), tempat awam, pasaraya dan bangunan kerajaan.

Kuarantin Wajib

Semalam, seramai 427 individu tiba di semua pintu masuk antarabangsa dan semuanya telah dikuarantin di stesen-stesen kuarantin di seluruh negara.

Secara kumulatifnya, sejak 24 Julai 2020, seramai 236,393 individu telah pulang ke tanah air dan kesemua ditempatkan di 70 hotel dan 11 Institut Latihan Awam (ILA) serta Institut Pengajian Swasta di seluruh negara.

Daripada jumlah itu, seramai 8,326 individu telah dikuarantin dan 225,219 orang dibenarkan pulang manakala 2,848 lagi dibawa ke hospital.

Barang Keperluan Asas

Pemantauan serta pemeriksaan oleh anggota Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di peringkat peruncit dan pemborong mendapati bekalan makanan adalah stabil dan mencukupi.

Semalam, KPDNHEP telah membuat 719 pemantauan harian ke atas 11 jenis bekalan barangan terdiri daripada peruncit (527), pemborong (160) dan pengilang (32).

KPDNHEP juga telah melakukan 2,027 pemeriksaan khas dan daripada jumlah itu, 2,012 premis mematuhi SOP manakala 15 lagi dikenakan kompaun.

Amalkan “Lockdown” sendiri. Kekal di rumah dan amalkan gaya hidup sihat bersama keluarga dalam lingkungan kawasan rumah sendiri. Terima kasih.

#StaySafeStayHome

#AmalkanKawalanKendiri

**YB DATO' SERI ISMAIL SABRI YAAKOB
MENTERI KANAN PERTAHANAN**